



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 13 OGOS 2024

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PESAWAH TOK SABOH GESA PIHAK BERWAJIB SEGERA SELENGGARA SISTEM PARIT TERSUMBAT, LOKAL, HM-11	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
2.	GRADUAN LUAR NEGARA TERNAK IKAN TILAPIA GUNA SUMBER AIR TERJUN, NEGARA, KOSMO-18	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	EMPANGAN PEDU MENURUN KEPADA 34.26 PERATUS, DALAM NEGARA, UM-30	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
4.	KEMARAU JEJASKAN HASIL PADI KELANTAN TAHUN INI, ONLINE	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
5.	AGROBANK SARAWAK AGIH DANA RM95.4J, NIAGA, AGROBANK-38	BANK PERTANIAN MALAYSIA (AGROBANK)

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

13/08/2024

HARIAN

LOKAL

11

METRO

Kuala Besut: Kira-kira 30 pesawah di Kampung Tok Saboh, di sini meminta pihak berwajib segera menyalenggara sistem saliran parit di kawasan sawah di kampung itu yang tersumbat sejak bulan lalu, sehingga menjejaskan jadual penanaman padi.

Ketua Tani Kampung Tok Saboh, Jusoh Ismail, 54, berkata, pesawah bimbang air yang memenuhi petak sawah tidak dapat dialirkan keluar kerana parit dipenuhi rumput-rampai selain tidak diselenggara sejak dua tahun lalu.

"Air dalam petak sawah sepatutnya kena kering ketika kerja menabur benih padi, tetapi masalah ini menyebabkan kerja menabur benih tertangguh sedangkan jadual menabur benih bermula pada 20 Julai lalu lagi," katanya kepada Bernama ketika ditemui di sawah padi Kampung Tok Saboh di sini, kelmarin.

Beliau berkata, bagi yang berkemampuan, mereka menggunakan pam untuk menyedut air keluar, namun air masih banyak dan ditambah pula dengan hujan kebelakangan ini.

Pesawah Tok Saboh gesa pihak berwajib segera selenggara sistem parit tersumbat



JUSOH (tengah) membantu pesawah di kawasannya mengerpam air dari petak sawah ke parit ketika ditemui di Kampung Tok Saboh, Kuala Besut.

Jusoh berkata, aduan dibuat sebelum ini dan baru-baru ini, pihak berwajib

menyewa sebuah jengkaut untuk kerja-kerja membersihkan parit dan tali air,

tetapi ia hanya dilaksanakan dua hari sahaja.

Katanya, tempoh itu jugaitidak mencukupi memandangkan parit terbit adalah sepanjang lebih

dua kilometer.

Menurutnya, pesawah juga tidak mampu menanggung kos minyak jengkaut memandangkan kemerosotan hasil jualan padi musim lalu, selain harga benih padi dan upah bajak sawah yang meningkat.

Jusoh berkata, sekiranya kerja menabur benih lewat dilakukan, pesawah akan berdepan risiko tanaman padi rosak akibat banjir pada hujung tahun.

Beliau berkata, sebab agian besar pesawah mungkin terpaksa mengambil keputusan untuk tidak lagi menusahakan padi pada musim akan datang, jika masalah itu berlarutan.

"Mereka sudah tidak ada pendapatan untuk mengusahakan lagi sawah pada masa akan datang kerana sebanyak dua musim pesawah kerugian termasuk musim ini jika isu parit tersumbat tidak diselesaikan.

"Ini sudah tentu akan turut menyumbang kepada pengurangan bekalan beras negara kerana kawasan padi seluas kira-kira 101 hektar tidak diusahakan lagi," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/08/2024	KOSMO	NEGARA	18

Graduan luar negara ternak ikan tilapia guna sumber air terjun

KAMPAR – Seorang graduan sains bangunan dari sebuah universiti luar negara memilih untuk menceburi bidang penternakan ikan tilapia merah sejak setahun lalu dengan memanfaatkan sumber semulajadi.

Nur Yasmin Mhd Nordin, 39, yang merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Bangunan dari Victoria University of Wellington New Zealand berkata, penternakan ikan tilapia yang mencecah jumlah 800 ekor itu itu dijalankan di Kampung Batu Berangkai di sini.

"Sayang sekiranya tanah ini tidak dimanfaatkan dan saya memilih untuk menjalankan penternakan ikan di sini. Bekalan air kolam pula diperoleh dari sumber Air Terjun Batu Berangkai.

"Saya tidak gunakan sebarang pam air sebaliknya mendapatkan air menggunakan saluran paip dari puncak bukit yang turut berperanan untuk mencuci kolam ikan," katanya di sini semalam.

Ujarnya lagi, penggunaan sumber alam menyebabkan dia tidak



NUR YASMIN bangga dapat mengusahakan ternakan ikan tilapia menggunakan sumber air terjun di Kampung Batu Berangkai, Kampar.

menggunakan sebarang klorin.

"Air terjun turut membekalkan makanan semulajadi seperti alga, rumpai, tumbuhan, plankton dan kehidupan air yang lain.

"Apa yang penting, ikan yang ditenak menggunakan sumber

semulajadi lebih enak dimakan dan tidak hanyir," kata Nur Yasmin yang mampu membekalkan 50 hingga 60 kilogram ikan tilapia di restoran sekitar Kampar dengan harga bermula RM15 hingga RM18 sekilogram.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/08/2024	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30



ORANG ramai mengambil peluang mengutip lokan di kawasan tebing susulan dasar Empangan Pedu yang semakin menyusut di Padang Terap. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

Empangan Pedu menurun kepada 34.26 peratus

ALOR SETAR: Paras takungan air di Empangan Pedu, Padang Terap mencatat sedikit penurunan semalam iaitu 34.26 peratus berbanding 34.55 peratus, semalam.

Penyusutan itu turut menyumbang kepada penurunan keseluruhan bekalan air dari tiga empangan kendalian Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) yang kini mencatatkan 39.86 peratus.

Berbanding kelmarin, paras air di Empangan Pedu, Empangan Muda dan Empangan Ahning merekodkan 40.07 peratus untuk kegunaan pertanian, domestik dan industri.

Bagaimanapun, bekalan air di Kedah masih jauh daripada paras kritikal yang mana situasi itu berlaku apabila Empangan Pedu menyusut sehingga ke bawah paras 15 peratus.

Semalam, Pengerusi MADA, Datuk Dr. Ismail Salleh berkata,

takungan semasa sumber air di tiga empangan kendalian pihaknya diyakini mampu untuk menyalurkan bekalan itu bagi tujuan pengairan penanaman padi musim 2/2024, tahun ini.

Menurutnya, aktiviti menanam musim 1/2024 kini mencapai tahap 99.3 peratus iaitu seluas 99,963.9 hektar sehingga akhir bulan lalu, manakala berbunga pula mencapai keluasan 4,051.8 hektar.

Kawasan tanaman padi yang telah mencapai peringkat masak adalah berkeluasan sebanyak 67.4 hektar atau 0.10 peratus sementara aktiviti menuai juga sebanyak 0.10 peratus dengan keluasan 60.4 hektar sehingga 31 Julai lalu.

Justeru, petani dinasihatkan sentiasa mematuhi jadual penanaman yang ditetapkan untuk memastikan penggunaan air yang berkesan dan mengelak pembaziran.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/8/2024	ASTRO AWANI	ONLINE	

KEMARAU JEJASKAN HASIL PADI KELANTAN TAHUN INI – MOHAMAD



GUA MUSANG: Kemarau yang berterusan telah menjejaskan pengeluaran hasil padi di Kelantan tahun ini, kata Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu.

Mohamad berkata Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) telah melaksanakan langkah pembenihan awan di rumah pam air di Kemubu dan Empangan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di Salor Pasir Mas, namun langkah itu tidak berhasil.

"Masalah kemarau di Kelantan begitu ketara, hujan turun di Kuala Lumpur tetapi tidak turun di kawasan yang diperlukan. Kita cuba buat pembenihan awan dan mendalamkan kawasan pam air di empangan Kemubu itu bagi menyelesaikan perkara ini.

"Untuk langkah jangka panjang kita kena keluarkan belanja yang besar untuk pengairan terutama di kawasan Kemubu dan KADA," katanya ketika ditemui pemberita pada program Libat Urus KPKM bersama pemimpin Pertubuhan Peladang Kawasan Gua Musang di sini hari ini.

Mohamad berkata meskipun begitu, setakat ini bekalan beras dalam negara masih pada tahap mencukupi.

Pada Jun lepas, KPKM memberi jaminan bekalan beras sebagai makanan ruji masih mencukupi dalam pasaran bagi memenuhi keperluan rakyat negara ini.

KPKM dalam kenyataannya memaklumkan kedudukan semasa stok beras negara setakat 18 Jun lepas adalah sebanyak 1,128,165 tan metrik mencukupi bagi tempoh lima ke enam bulan keperluan negara.

Pengerusi KADA Muhammad Husain sebelum ini dilapor berkata KADA merupakan kawasan jelapang padi kedua terbesar negara, namun hasil tanamannya masih ketinggalan iaitu purata 4.1 tan metrik sehektar berbanding jelapang barat laut Selangor dengan 4.32 tan metrik, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (4.24 tan metrik) dan Pulau Pinang (5.05 tan metrik).

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
13/08/2024	KOSMO	NIAGA	38



MOHAMAD SABU (empat dari kiri) pada majlis penyerahan replika cek kepada salah seorang penerima cek Skim Kredit Mikro Sarawak di Kuching baru-baru ini.

Agrobank Sarawak agih dana RM95.4j

PETALING JAYA – Agrobank Sarawak telah meluluskan dana pembiayaan Skim Kredit Mikro Sarawak bernilai RM95.4 juta kepada 2,758 pelanggannya.

Presiden/Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, Skim Kredit Mikro Sarawak menawarkan pembiayaan kepada sektor servis dan perkhidmatan yang menyumbang kepada industri agromakanan yang merangkumi keseluruhan proses rantai makanan termasuk pengeluaran hasil sumber, pemprosesan, pengedaran, pemasaran dan perkhidmatan penyediaan makanan.

Menurut beliau, skim tersebut merupakan dana yang diperuntukkan oleh kerajaan negeri

melalui Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri serta Terminal Perindustrian dan Pembangunan Usahawan dalam usaha mempergiatkan industri agromakanan terutamanya di negeri tersebut.

Bagi perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) pula, dana tersebut adalah satu keperluan untuk mengembangkan perniagaan mereka supaya dapat menjana pulangan yang lumayan. "Sebelum ini, kami telah menerima dana tambahan sebanyak RM4 juta.

"Aktiviti pertanian adalah sumber ekonomi negara dan tunjang utama untuk mencapai agenda keterjaminan makanan.

"Oleh itu, dana ini akan menarik minat usahawan tempa-

tan menceburi sektor pertanian, perikanan, perladangan, atau penternakan," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan pada majlis penyampaian replika cek Skim Kredit Mikro Sarawak bernilai RM1.1 juta bersempena Road to MAHA 2024 @ Sarawak yang diadakan hujung minggu lalu.

Majlis penyerahan replika cek Skim Kredit Mikro Sarawak telah disempurnakan oleh Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Mohamad Sabu kepada dua wakil penerima di Miri dan Lawas iaitu Chai Lik Yang dan Moren Balakas dengan peruntukan pembiayaan masing-masing sebanyak RM818,000 dan RM284,000.